

20 Januari 2018

'Bedak' dadah RM735,000

Subromaniam (empat dari kiri) menunjukkan beg berisi dadah yang dirampas pada sidang media di pejabat Kastam Diraja Malaysia, KLIA.

'Bedak' dadah RM735,000

① 5 ditahan kes seludup serbuk khayal, mata wang asing di KLIA

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Sepang

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) membongkar taktik menyembunyikan dadah dan mata wang asing dalam bekas bedak, alatan dapur serta anak patung, menerusi tiga cubaan penye-

ludupan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T Subromaniam, berkata dalam kes pertama pada 4 Januari lalu, dua beradik wanita dari India, berusia 30 dan 31 yang tiba dengan penerbangan AirAsia dari Chennai, dikesan cuba menyeludup dadah.

"Pemeriksaan terhadap dua bagasi mereka menjumpai 10.50 kilogram (kg) serbuk putih disyaki dadah jenis Metamphetamine, disorokkan dalam bekas bedak, dianggarkan bernilai RM735,000.

"Siasatan mendapat wanita berusia 31 tahun itu pernah memasuki Malaysia beberapa kali, manakala adiknya pertama kali datang ke negara ini,"

katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Kastam KLIA, Abdul Wahabi Abdullah dan Timbalan Pengarah, Bahagian Pengukuasaan dan Pematuhan Kastam, Abu Kasim Ahmad.

Subromaniam berkata, penyeludupan dadah kedua dipatahkan pada 11 Januari lalu, apabila Kastam menahan seorang lelaki 32 tahun yang tiba dari Thiruchirapalli, India, melalui penerbangan Malindo Air.

Dadah Metamphetamine

Katanya, imbasan kepada kotak dibawa suspek mengesan serbuk putih seberat 5.20kg disyaki dadah jenis Metamphetamine dianggarkan bernilai RM364,000, disorokkan dalam

alat dapur memasak.

Beliau berkata, Kastam juga meng gagalkan cubaan menyeludup mata wang Taiwan oleh dua lelaki warga Nigeria, berumur 29 dan 30 tahun, berjumlah RM136,502.94 yang disembunyi dalam anak patung.

"Kedua-dua suspek didapati tiada dokumen ikrar terhadap mata wang dan Instrument Boleh Niaga Pembawa serta boleh disabitkan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPÜAA) 2001.

"Tiga suspek dadah pula disiasat mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika bersabit kesalahan boleh dikenakan hukuman ganung sampai mati," katanya.